

Malaysia miliki kepakaran pembuatan EV darat dan laut

Fiqa Jamal

BATU BERENDAM - Malaysia kini mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam sektor pembuatan kenderaan elektrik (EV) di darat dan laut.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata kejayaan itu merupakan potensi besar buat negara sebagai hab pengeluar EV di rantau Asia.

Katanya, sektor pembuatan EV di negara ini sedang berkembang dan diperluaskan lagi serta tidak hanya terhad kepada kenderaan EV di darat malah menjadi pengeluar bot atau feri EV sebagai pengangkutan laut.

"Kejayaan ini membolehkan negara menarik pelaburan daripada syarikat-syarikat pengeluar bateri selain pemasangan kenderaan EV.

"Pemasangan kenderaan EV ini adalah potensi yang cukup besar untuk Malaysia perluaskan lagi EV bukan hanya untuk kenderaan darat, tapi juga menggunakan konsep bot elektrik.

"Sekarang kita dah ada kepakaran dan kemahiran kejuruteraan untuk membina bot EV oleh anak-anak tempatan dan ini satu inovasi cukup baik merendahkan penggunaan karbon," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Bot 'Hydroglyder' yang menggunakan teknologi elektrik di sebuah kilang di Batu Berendam, di sini, pada Isnin.



ANTHONY bergambar di atas bot elektrik prototaip 'Hydroglyder' di sebuah kilang di Batu Berendam.

Hadir sama Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pengangkutan negeri Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer dan Ahli Parlimen Kota Melaka Khoo Poay Tiong.

Mengulas lanjut, Anthony berkata, pembuatan bot berkenaan bakal memenuhi pasaran Singapura iaitu sebagai bot transit membawa kru kapal kargo ke pelabuhan.

Jelasnya, Malaysia juga boleh menggunakan teknologi

terbabit pada masa hadapan.

"Akan datang, Malaysia juga boleh perkenalkannya untuk pasaran negara seperti bagi perkhidmatan feri penumpang di antara pulau-pulau antaranya Langkawi, Tioman, Pulau Besar dan Pangkor.

"Jadi semua operator feri ini mereka ada pilihan untuk gunakan bot EV ini yang juga merupakan satu trend hala tuju yang mesti kita lalui," katanya.

Jelas Anthony, inovasi EV itu

sejajar dengan komitmen kerajaan memastikan pelepasan kar-

bon sifar bersih atau 'net-zero emissions' menjelang tahun 2050.

MELAKA HARI INI

06 - 251 9314 (Am)

018 - 329 9936
(Pengiklanan)

FAX : 06 - 251 9316

PEMANGKU KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF
NASHARUDDIN
MUHAMMAD

KETUA PENGARANG
MOHD SALMAN HAMAT